



SIARAN MEDIA

KENYATAAN PENAFIAN OLEH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA KE ATAS SIARAN KENYATAAN KOPERASI AMANAH PELABURAN MALAYSIA BERHAD

Dengan ini dimaklumkan bahawa terdapat kenyataan siaran akhbar dan media sosial yang berkaitan dengan cadangan **Koperasi Amanah Pelaburan Malaysia Berhad (KAPB)** untuk pelaburan dalam harta tanah di The Exchange 106 TRX, membiayai projek pembinaan universiti perubatan dan hospital baharu di atas tanah seluas 141 ekar di Serdang, Selangor melalui penerbitan syer KAPB sebanyak RM 2 bilion. Maklumat berkenaan pelaburan tersebut telah disiarkan dalam laman web rasmi KAPB dan siaran media melalui Harian Metro bertarikh 10 Mei 2021 seperti yang berikut:

The screenshot shows a news article from Berita Harian. The title reads "Koperasi Amanah Pelaburan tawar saham baharu RM2b". The article discusses Koperasi Amanah Pelaburan Berhad (KAPB) offering new shares worth RM2 billion. It mentions that KAPB is launching a new share offering of RM2 billion to finance the construction of a medical university and a new hospital on 141 hectares of land in Serdang, Selangor. The article also quotes the chairman, Datuk Ilyas Mohamed, stating that each member will contribute to the offering.

KAPB tawar saham baharu RM2 bilion @ Berita Harian

<https://www.bharan.com.my/bisnes/lain-lain/2021/05/815557/kapb-tawar-saham-baharu-rm2-bilion>

KAPB tawar saham baharu RM2 bilion



Koperasi Amanah Pelaburan Bhd (KAPB) bercadang membeli 51 peratus pegangan ekuiti pemilikan The Exchange 106

KUALA LUMPUR: Koperasi Amanah Pelaburan Bhd (KAPB) menawarkan RM2 bilion saham baharu untuk dilanggan oleh anggota sedia ada dan juga anggota baharu, yang terbuka untuk semua warganegara Malaysia.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Ilyas Mohamed, berkata setiap anggota akan menikmati pulangan sekurang-kurangnya lapan peratus setahun berdasarkan risiko terlaras ke atas petunjuk pelaburan dan kajian impak menurut rekod pulangan pelaburan KAPB yang tinggi selama ini.

Beliau berkata, sebahagian dana terkumpul itu akan digunakan untuk membayai pembelian 51 peratus pegangan ekuiti pemilikan The Exchange 106, manakala sebahagian lagi untuk membayai projek pembinaan universiti perubatan dan hospital baharu di atas tanah seluas 141 ekar di Serdang, Selangor.

Katanya, mereka yang berhasrat ingin menjadi sebahagian daripada bangunan tertinggi di Asia Tenggara, iaitu The Exchange 106, TRX dengan anggaran nilai pasaran semasa mencecah RM7 bilion dan sebuah hospital berkapasiti 400 katil serta universiti perubatan yang bertunjangkan teknologi canggih dan terkini daripada Amerika Syarikat (AS), boleh membuat permohonan dengan melayari laman sesawang atau hadir ke cawangan CIMB yang berdekatan di seluruh negara.

Oleh itu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) menafikan bahawa Suruhanjaya pernah memberikan apa-apa jaminan atau pengesahan kepada pelaburan yang dibuat oleh orang ramai dalam KAPB (atau mana-mana Koperasi). Sehubungan dengan itu, orang ramai dinasihatkan untuk meneliti dan membuat penilaian sewajarnya sebelum melabur dan pelaburan yang dibuat adalah atas risiko sendiri.

Jika terdapat sebarang kemosykilan, orang ramai bolehlah menghubungi talian hotline Suruhanjaya seperti yang berikut: 019-2445339.

Unit Hal Ehwal Antarabangsa dan Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

September 2021